

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021**

**PADA : 11 JANUARI 2021 (ISNIN)**

**MASA : 8:30 PAGI**

**TEMPAT : DEWAN THEATRETTE, WISMA NEGERI**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**Terima kasih saudara Pengacara Majlis,**

YB Dato' Haji Zulkefly Mohamad Omar  
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Ahli-ahli Yang Berhormat

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi barakah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2021.**

2. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Ketua Jabatan yang terpilih untuk bersama-sama saya dalam majlis ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan agensi strategik di Negeri Sembilan, yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini, untuk saya menyampaikan amanat kepada seluruh penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan.

3. Saya yakin dan percaya, dengan tahun baharu, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baharu. Semangat dan komitmen semua

penjawat awam yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya hargai. Bak kata teromba **yang kuat memikul beban, yang cerdik disuruh berunding, yang bingung disuruh arah**. Saya difahamkan juga perhimpunan hari ini berlangsung secara fizikal dan maya bertepatan dengan Daerah Seremban yang masih diletakkan dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Difahamkan juga semua penjawat awam negeri dan persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan sama-sama mengikuti ucapan saya sama ada melalui facebook live Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga melalui ruang telesidang yang disediakan.

**Sidang hadirin sekalian,**

4. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam telah menjunjung tinggi amanah yang besar kepada negeri beradat Perpatih ini. Secara amnya, saya berpuas hati dengan kecemerlangan penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan tidak kira di Jabatan Negeri mahupun Persekutuan.

**Suka saya umumkan, sehingga 31 Disember 2020, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM452.9 juta bersamaan 99.1 peratus daripada sasaran** walaupun negeri berhadapan dengan pandemik COVID-19.

5. Syukur Alhamdulillah, pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan masih berada dalam keadaan yang kukuh. Persekitaran diharap semakin bersih, rakyat semakin bermuafakat dan negeri semakin sejahtera. Tahniah kepada semua. Inilah hasil muafakat Anggota Pentadbiran Kerajaan yang berdiri teguh di bersama saya.

6. Dari segi perbelanjaan, **prestasi Kerajaan Negeri Sembilan merekodkan lebih 92 peratus** daripada peruntukan yang telah diluluskan. Ketua Jabatan memainkan peranan penting untuk membelanjakan peruntukan dan merencana gerak kerja untuk merancakkan ekonomi. Saya berharap semua penjawat awam di Negeri Sembilan sedar kepentingan meningkatkan usaha supaya prestasi perbelanjaan yang disasarkan sebanyak 99.9 peratus dapat tercapai pada tahun 2021 seperti yang digariskan oleh Ketua Setiausaha Negara.

7. Kita telah sama-sama melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2021. Saban tahun kita menyambut tahun baharu dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang ditempuh. Maka, untuk Tahun 2021 ini, menjadi harapan saya agar kekayaan dan kemakmuran hasil Negeri Sembilan yang sedang kita kecapai dapat kekal mampan dan berdaya tahan selaras dengan tema Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2021 iaitu “**Merangsang Ekonomi, Memperkasa Rakyat**.” Sama-samalah kita berusaha ke arah itu.

### **Hadirin Yang Budiman,**

8. Tahun 2020 telah merekodkan dan mencoret cabaran yang cukup besar dan getir apabila rakyat berdepan dengan pandemik COVID-19 yang belum menemui titik penghujungnya. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita sebagai penjawat awam secara individu, tetapi daya ketahanan kita sebagai benteng di sebuah negeri yang masyarakat yang berbilang kaum dan latar budaya.

Terima kasih *frontliners* dan penjawat awam yang membantu pentadbiran saya di Negeri Sembilan lebih-lebih lagi dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

9. Sedemikian, untuk Tahun 2021 saya mahu penjawat awam di Negeri Sembilan berpegang kepada **empat (4) strategi** berikut:

**(i) Mengaplikasikan perkembangan digital dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.**

Negeri Sembilan bukanlah negeri yang ketinggalan dalam perkembangan digital.

Kita telah membangunkan sistem e-Doket, sistem e-Strata, penggunaan alat untuk mengukur lot tanah menggunakan gelombang elektromagnetik terkini serta menerima pembayaran hasil secara elektronik.

Alhamdulillah, usaha ini terus berterusan apabila kita memperkenalkan **Gerbang Digital Negeri Sembilan atau N9.Digital** untuk mendakap penggunaan teknologi dan dunia digital bagi mengimbangi tuntutan Revolusi Industri 4.0 supaya institusi perkhidmatan awam kekal relevan dan dinamik. Pelbagai bantuan untuk rakyat boleh dimohon secara dalam talian dan membantu rutin pekerjaan harian penjawat awam menjadi lebih mudah.

Gunakanlah teknologi moden ini untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan dan seterusnya untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat lebih-lebih lagi ini telah digariskan Kerajaan Negeri di bawah Bidang Tumpuan Kelapan Belanjawan 2021 iaitu memperkasakan *digital governance*.

**(ii) Membentuk identiti negeri yang unggul dan bertaraf global.**

Adat Perpatih merupakan amalan yang terus subur di negeri ini. Nasihatnya halus, marahnya berkias. **“Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah. Kata Adat banyak kiasan, ditunjuk dia tetapi bukan. Bergulung pendek, panjang direntang. Tak faham kalau tak direnungkan”**.

Pelbagai identiti Negeri Sembilan boleh diketengahkan untuk diketahui oleh umum. Rumah tradisional, keunikan binaan masjid lama, masakan tradisional, seni ukiran dan sebagainya mempunyai anekdot tersendiri yang boleh dijalankan kajian dan rujukan pada masa hadapan. Keunikan adat ini membuat Negeri Sembilan dikunjungi lebih ramai pelancong dari luar dan dalam negara. Seperti yang semua sedia maklum melalui Belanjawan 2021,

Kerajaan Persekutuan juga telah memberikan komitmen peruntukan bagi menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi kampung budaya di Negeri Sembilan demi memastikan ketersediaan negeri yang bakal menjadi tempat tumpuan pelancong.

Secara tidak langsung Adat Perpatih kekal terpelihara dan terus menjadi salah satu ikon pelancongan di negeri ini.

**(iii) Memperkukuh ekonomi negeri rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi**

Ketua Saintis Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengunjurkan tempoh masa selama empat hingga lima tahun diperlukan dalam usaha dunia mengawal COVID-19 dengan efektif. Dari segi ekonomi, IMF World Economic Outlook 2021 pula mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2021 adalah sekitar 5.4 peratus.

**Kerajaan Negeri Sembilan menyasarkan pelaburan RM10 bilion tahun 2021**, walaupun negeri berdepan situasi wabak COVID-19. Kita percaya kerjasama strategik antara awam dan swasta menggalakkan pelaburan dan memudahkan pelabur mencari peluang kejayaan di sini. Selain itu, pelaburan berteknologi tinggi yang disasar akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Saya berharap Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua agensi kerajaan yang terlibat akan menggandakan usaha bagi membantu sasaran berganda pelaburan di Negeri Sembilan untuk tahun ini.

#### **(iv) Merancang kesejahteraan penjawat awam di Negeri Sembilan.**

Kerajaan Negeri juga mengharapkan agar penjawat awam lebih kreatif dalam menjalankan tugas dan membantu sesama rakan sekerja mahupun jabatan yang lain. Kita ini bersaudara walau di mana kita berkhidmat. Sebagai contoh saya nyatakan, 91.65 peratus penjawat awam negeri, berkanun dan pihak berkuasa tempatan di Negeri Sembilan adalah terdiri dari kumpulan sokongan yang mempunyai purata gaji di bawah RM4,210 sebulan iaitu dikategorikan sebagai kumpulan B40.

Sesungguhnya, Hadis Riwayat Al-Bukhari ada menyatakan **“Tidak akan berkurang rezeki orang yang bersedekah kecuali bertambah, bertambah dan bertambah”**.

Justeru, saya difahamkan pada hari ini akan dilancarkan **Gerobok Rezeki** khas untuk penjawat awam yang terletak di Laman Informasi Wisma Negeri.

Gerobok Rezeki ini merupakan satu sudut mengumpul bantuan barangan makanan asas bagi keperluan penjawat awam yang kurang berkemampuan atau memerlukan bantuan. Mereka bolehlah mengambilnya sekadar yang diperlukan supaya lebih ramai individu atau keluarga yang terjejas dapat turut menikmati manfaat inisiatif ini. Saya juga berharap inisiatif ini dapat diperluaskan di semua jabatan di Negeri Sembilan.

### **Keseimbangan Pembangunan Antara Daerah**

**10. Penjawat awam di negeri ini wajar menjadi duta, mata dan telinga untuk menyampaikan dasar pembangunan kerajaan yang perlu diketahui oleh rakyat.** Di Negeri Sembilan contohnya sektor perindustrian kita tumpukan di Seremban dan Port Dickson iaitu di kawasan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0). Manakala di Jelebu pula kita bangunkan sektor biodiversiti dengan kita memanfaatkan keindahan alam yang ada. Kerajaan Negeri juga tidak mahu melupakan kawasan Rembau, Tampin, Jempol dan Kuala Pilah yang mahu dibangunkan sebagai wilayah agropolis iaitu jadikan sebagai kawasan 'Dapur Lembah Klang'.

**11.** Dalam hal ini, penjawat awam di daerah memainkan peranan penting untuk membantu Kerajaan Negeri membangun sesebuah daerah agar koridor pembangunan daerah melalui projek-projek, pembinaan infrastruktur, pembangunan kawasan komersial, kediaman, infrastruktur sosial, hab inovasi dan perubatan yang ada dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat setempat.

**12.** Sebagai penjawat awam yang bertanggungjawab, adalah penting untuk kita menentukan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar supaya kualiti hidup kita terjaga dan legasi generasi akan datang terus dipelihara.



Kerajaan Negeri yakin kelestarian sumber boleh memacu pertumbuhan ekonomi baharu serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping kita merancang pembangunan negeri dengan lebih baik.

**Hadirin Yang Dikasihi Sekalian,**

**13.** Sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya bersyukur dan rasa gembira melihat sebahagian besar penjawat awam negeri ini yang sentiasa berkhidmat dan berbakti dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini.

Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci **Bersih · Muafakat · Sejahtera**.

Saya berdoa semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2021 dengan lebih berani dan yakin tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.

**Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera**